

04/03/2001

Elit tak salah asal dapat sokongan

KIAU baca dalam surat khabar kata pemimpin Pemuda Umno tidak senang hati dengan saranan Datuk Seri Najib Tun Razak supaya pergerakan itu buang imej elit.

Mereka kata mereka tidak anggap diri mereka elit. Sebaliknya mereka pulang paku buah keras. Mereka kata Pemuda Umno ditonjolkan sebagai kelompok elit pada waktu Najib ketua.

Kiau setuju. Dengan Najib setuju. Dengan Pemuda pun setuju. Tapi kepada Kiau bukan elit atau tidak elit yang jadi masalah. Yang jadi masalah ialah tanggapan masyarakat.

Memang satu masa dulu Pemuda Umno suka dan seronok dianggap elit. Kononnya itu kejayaan. Elit bezakan antara orang Melayu yang berjaya dengan yang tidak berjaya, antara orang Melayu yang kononnya moden dengan yang tradisional.

Kiau ingat lagi seorang Ketua Pemuda kebangsaan yang masa dia di luar Umno dia pakai macam Taliban. Tapi apabila jadi Ketua Pemuda dia pakai pakaian seragam dan bila naik pangkat lebih tinggi dia pakai fesyen Perancis dan Itali. Dia pakai Ferragamo, Versace, Armani dan Hugo Boss.

Daripada ghazal parti dan Bollywood kepada Mozart, Pavarotti dan Les Mesarables.

Jadi cara dia berpakaian, dia bergaul, dia bercakap dan makan pun jadi elit. Elit ini daripada bahasa Inggeris yang bermaksud terbaik, yang terpilih dan yang terbaik daripada satu kumpulan atau kelas.

Memang waktu itu Pemuda Umno tampilkan imej atau gambaran elit. Mereka cakap dan buat benda-benda yang bukan orang bawahan cakap dan buat.

Kiau tak kata ini salah besar. Tapi dalam politik, cara seseorang itu bercakap, berpakaian dan makan minum pun boleh pisahkan dia daripada orang yang dia pimpin.

Kalau pun betul kepemimpinan Pemuda Umno sekarang tidak anggap diri mereka elit yang mana Kiau sikit sebanyak percaya, tapi penampilan atau kerjaya boleh bagi gambaran yang mereka elit.

Kiau akui banyak pemimpin pemuda datang daripada akar umbi dan mereka berjuang untuk akar umbi. Tapi ada juga yang datang daripada akar umbi tapi berlagak macam kaduk naik junjung, berfoya-foya di Kuala Lumpur, berkaraoke sepanjang masa dan buat kerja-kerja lain yang tak secokok dengan imej mereka sebagai pemimpin generasi muda.

Ini laporan yang Kiau dapat daripada member Kiau, burung hantu dan pungguk yang berjaga waktu malam dan kerap ke tempat-tempat ini di Kuala Lumpur.

Kiau tak mahu ganggu Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tapi Kiau mintalah Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, supaya pasang telinga dengar cakap-cakap yang kurang baik tentang anak buah yang berdarah muda ini.

Api elitisme (elitism) ini bukan penyakit satu parti saja. Boleh kata semua parti hadapi gejala ini.

Pada pendapat Kiau, salah satu sebab parti macam Parti Rakyat gagal dapat sokongan yang luas ialah kerana elitisme ideologi dan dasarnya.

Sekarang Kiau tengok giliran Pas pula hadapi gejala ini. Pas bukan parti ketayap, serban, baju teluk belanga, kain pelekat dan jubah lagi. Banyak orang kuat Pas dah pakai baju kot dan tali leher.

Khabarnya sudah ada yang pakai Versace, Christian Dior, Hugo Boss dan jam tangan yang berpuluh ribu harganya. Itu cerita orang yang jual benda-

benda inilah.

Cerita macam ini tak mustahil. Sekarang pemimpin Pas bukan tok guru pondok dan tuan guru madrasah saja.

Banyak yang sudah jadi orang korporat. Mereka jadi pengerusi dan ahli lembaga pengarah syarikat dan perbadanan yang besar-besar.

Mereka minum kopi RM5 secawan di Bangsar. Anak mereka dari kecil lagi cakap orang putih. Mereka cakap "I" dan "you".

Bagi Kiau, yang lebih penting ialah matlamat. Tak salah elit kalau dapat sokongan golongan elit. Tapi tak guna mereka elit tapi golongan elit tak sokong parti mereka.

Sekarang pemuda bukan dalam kampung atau di rancangan Felda lagi. Lebih banyak di universiti, di kawasan-kawasan perindustrian, di bandar-bandar baru dan pusat penyelidikan.

Jadi, Pemuda kenalah tuju sasaran yang tepat. Debat mengenai elit atau kesamarataan (egalitarianism) tak guna kalau parti tak dapat sokongan.

(END)